

YKN Hasrat Wujudkan Pusat Kecemerlangan Usahasama UMS: TPM

Terakhir dikemaskini: Selasa, 18 September 2018 12:15 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 438

[Kongsi 20](#)
[Syorkan 20](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 18 SEPTEMBER – Yayasan Kebajikan Negara (YKN) berhasrat untuk mewujudkan Pusat Kecemerlangan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada masa akan datang.

Perkara itu diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ketika berucap sempena lawatan ke Pusat Dialisis UMS-YKN Sabah baru-baru ini.

Beliau yang juga Pengurusi Lembaga Pemegang Amanah YKN berkata, pusat itu nanti

akan merangkumi pelbagai inisiatif kebajikan meliputi projek Anjung Kasih, iaitu rumah penginapan sementara bagi keluarga pesakit yang mengiringi dan menemani pesakit yang datang ke pusat dialisis tersebut.

“Selain itu, ia juga merangkumi kerjasama bagi projek Anjung Singgah, iaitu pusat intervensi bagi golongan gelandangan dan *social enterprise*,” katanya.

Turut hadir Timbalan Ketua Menteri Sabah, Christina Liew dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Dalam pada itu, Dr. Wan Azizah Wan Ismail turut menggesa lebih banyak syarikat korporat, badan swasta, institusi kewangan dan institusi pengajian tinggi menjalin kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu pesakit yang memerlukan rawatan dialisis.

Menurutnya, kerjasama pintar dengan pelbagai pihak amat penting demi kebajikan dan kelangsungan hidup kumpulan sasar yang memerlukan rawatan itu.

“Bagi penubuhan dan pengoperasian YKN Dialisis ini, pihak YKN mendapat sokongan dan kerjasama pelbagai pihak termasuk syarikat korporat dan badan swasta serta institusi pengajian tinggi sama ada melalui sumbangan mesin dialisis, barang keperluan dan ubat-ubatan atau penajaan pesakit,” jelasnya.

Dr. Wan Azizah berkata, sehingga kini YKN telah menubuhkan enam pusat dialisis di seluruh negara iaitu, YKN Dialisis Lembah Pantai, Kuala Lumpur, YKN Dialisis Rompin, Pahang, YKN Dialisis Kota Bharu, Kelantan, YKN Dialisis Kuala Terengganu, Terengganu dan Pusat Dialisis UMS-YKN.

Beliau berkata pemilihan lokasi perwujudan pusat dialisis adalah berdasarkan jumlah pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di sesuatu kawasan dan kemudahan rawatan yang disediakan di setiap pusat dialisis menepati spesifikasi dan peraturan ditetapkan Kementerian Kesihatan.

“Perkhidmatan sosial yang diberikan ini dapat membantu merealisasikan hasrat kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat yang berpendapatan rendah, khususnya bagi pesakit yang menampung kos rawatan tinggi,” katanya.